KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	30.08.22	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	TNB			

Tiga pulau terima elektrik 24 jam menjelang 2025

Kuala Lumpur: Kerajaan melaksanakan program dan pembaharuan sistem pembekalan elektrik negara sebagai langkah awal merancakkan lagi komitmen negara dalam peralihan tenaga, kata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Katanya, kerajaan meluluskan peruntukan dan pengagihan semula kuota tenaga boleh baharu (TBB) sebanyak 1,200 megawat (MW) bagi sumber solar.

Katanya, kuota baharu ini diagihkan untuk pelaksanaan program di bawah mekanisme sedia ada termasuk *New Enhanced Dispatch* (NEDA) dan program pemasangan solar di bumbung bangunan.

Selain itu, katanya, untuk penerokaan kaedah pelaksanaan program TBB baharu seperti pembangunan taman solar, pembekalan elektrik untuk tujuan pusat data baharu serta penjanaan hidrogen hijau.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Tenaga Lestari Antarabangsa (ISES) Kelima 2022, di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, ia juga bagi penyediaan opsyen baharu perolehan bekalan elektrik hijau kepada syarikat korporat melalui konsep Perjanjian Pembelian Tenaga Maya (VPPA) mulai suku keempat 2022 dengan tawaran kuota 600MW.

Tiga Pulau berkenaan ialah Pulau Redang, Pulau Perhentian dan Pulau Tioman

"Dengan persetujuan ini, kerajaan menjangkakan 14,000 peluang pekerjaan dan nilai pelaburan baharu berjumlah RM6 bilion dapat diwujudkan bagi menyokong pembangunan industri TBB negara," katanya.

Katanya, kerajaan turut melaksanakan inisiatif perintis pembangunan Pulau Tenaga Hijau di Pulau Redang dan Pulau Perhentian, Terengganu serta Pulau Tioman, Pahang bagi menyediakan bekalan elektrik konsisten, mampu bayar dan rendah pelepasan karbon.

"Pengguna elektrik di pulau peranginan itu menerima bekalan elektrik 24 jam menjelang 2025 sekali gus mengurangkan kira-kira 70 peratus pelepasan gas rumah kaca," katanya.

HM300822_20